

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis membahaskan tentang metodologi kajian dan pendekatan konsep yang digunakan dalam melakukan kajian ini dengan lebih jelas dan terperinci. Metodologi kajian ini boleh membantu bagi memudahkan penulis mencapai objektif kajian yang dicadangkan. Selain itu, ia membantu proses kajian ini berjalan dengan lancar. Dalam bab ini, aspek-aspek yang berkaitan dengan metodologi akan dibincangkan, ia merangkumi reka bentuk kajian, perancangan model kajian, metode pengumpulan data termasuk fasa kajian, prosedur pengumpulan data, instrumen kajian, dan penganalisan data.

3.2 Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Metodologi kajian mestilah mengandungi penerangan dan huraian tentang pendekatan, reka bentuk model, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian. Biasanya metode kajian terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Othman Mohamed (2001) menyatakan, metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data.

Kajian yang dilakukan penting bagi menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data serta melakukan pentafsiran terhadap kajian yang dijalankan. Bagi kajian Model LEXICOLSEM mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) berdasarkan gabungan Leksikologi Semantik dan hubungan antara perkataan, reka bentuk kajian yang digunakan adalah menggunakan kaedah perpustakaan dan

tinjauan (survey research) di mana data primernya adalah kualitatif dan data sekundernya adalah kuantitatif. Reka bentuk ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapat maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya. Pendekatan kajian pula berasaskan kepada kaedah campuran (mixed methodology) iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua pendekatan ini akan dibincangkan di bawah Metod Pengumpulan Data dengan lebih lanjut lagi.

Kajian kualitatif adalah bertujuan untuk memahami sesuatu perkara ataupun fenomena dengan lebih mendalam. Pendekatan kualitatif ini menjawab persoalan bagaimana dan kenapa sesebuah fenomena itu berlaku. Kajian kualitatif juga merupakan suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (Ismail A. M., 2015).

Adapun kajian kuantitatif, para pengkaji mengekalkan pandangan yang berasingan, berfikiran terbuka untuk memahami realiti (Duffy, 1986). Dalam kajian ini, metodologi kualitatif juga mempunyai kekuatan dan kelemahan yang sepatutnya berhubung dengan keakraban hubungan antara responden dan pengkaji. Duffy (1986) berhujah bahawa kekuatan hubungan interaktif ini adalah bahawa pengkaji memperoleh pengalaman pertama memberikan data yang berguna dan bermakna. Memandangkan pengkaji dan subjek menghabiskan lebih banyak masa bersama, data lebih berkemungkinan sah dan telus (Byrman, 1988). Pendekatan ini melaksanakan analisis data atau proses soal selidik yang merangkumi dalam mereka bentuk graf atau statistik jadual untuk mengumpul data bernombor.

Perkara ini penting bagi mengenal pasti dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam dalam suasana yang memerlukan kepada interaksi secara langsung

dengan konteks (Norman K, D. & Yvona S, L., 1994). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks (dirasah nassiyah) dan temu bual untuk mendapatkan data primer dan data sekunder berkaitan dengan objektif kajian. Adapun bagi kaedah soal selidik penulis telahpun menggunakannya pada kajian tahap 1 dan 2. Maka, Hasil dapatan kajian melalui kaedah soal selidik ini yang akan menyokong dapatan-dapatan bagi meneruskan kajian di tahap 3 iaitu bagi model baharu LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj.

Bagi kaedah analisis teks dan temu bual, kajian ini melibatkan empat fasa yang dirangka untuk menghasilkan sebuah model LEXICOLSEM dalam mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) berdasarkan gabungan Leksikologi Semantik Arab dan hubungan antara perkataan, yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim. Ketiga-tiga kaedah ini akan menjawab kepada soalan-soalan kajian ini.

3.3 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar pengajian bahasa Arab di institusi pengajian tinggi awam dan pakar-pakar di kalangan bahasa Arab dan al-Quran dari dalam dan luar negara. Bagi kajian ini, dua orang pakar bahasa Arab, pakar al-Quran dari dalam dan luar negara dan seramai 350 orang di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan pengajian bahasa Arab di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diambil sebagai sampel kajian. Adapun bagi kaedah analisis teks pula, sebanyak 39 sampel kajian telah dipilih secara rawak dalam surah al-Hajj dari ayat 1 hingga ayat 78. Dalam teori kaedah

kajian, jumlah sampel yang lebih banyak adalah lebih baik dan lebih bertambah keyakinan terhadap dapatan hasil kajian serta dapat mengurangkan ralat persampelan.

Dari segi taburan responden mengikut IPT adalah seperti berikut, iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 50 orang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 50 orang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 50 orang, Universiti Putra Malaysia (UPM) 50 orang, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) 50 orang, Universiti Malaya (UM) 50 orang dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 50 orang.

Taburan responden berdasarkan jantina pula ialah responden lelaki berjumlah 147 orang dan responden perempuan berjumlah 203 orang. Keputusan dalam jadual 3.1 menunjukkan taburan responden bagi tujuh IPT di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Jadual 3.1: Taburan Responden Mengikut Universiti

Universities	Total
University Malaya (UM)	50
University Putra Malaysia (UPM)	50
University Kebangsaan Malaysia (UKM)	50
University Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	50
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	50
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	50
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)	50

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh para pengkaji ketika menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai

objektif kajian. Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan oleh penulis adalah berbentuk (a) soal selidik, (b) dua temu bual pakar yang merangsang aktiviti lisan dirakam dan ditranskripsikan, dan (c) analisis teks. Penulis membuat kajian terhadap 350 orang responden, dengan memberikan borang soal selidik secara 'google form' untuk dijawab. Soal selidik dijalankan untuk mengetahui profil pelajar responden, mengenal pasti tahap pemahaman dan keberkesanan komunikasi dalam kalangan pelajar di tujuh (7) buah IPTA yang terpilih di Malaysia dan mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar berkomunikasi dalam semantik bahasa Arab. Instrumen yang digunakan untuk memperoleh data terbahagi kepada dua iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kuantitatif dijalankan melalui borang soal selidik secara atas talian dan kualitatif dijalankan melalui temu bual pakar untuk memperoleh data yang lebih tepat, dan analisis teks dalam surah al-Hajj.

Sementara itu, untuk mendapatkan data temu bual dengan pakar dalam aktiviti lisan, penulis memilih dua orang pakar dalam bidang al-Quran dan bahasa Arab bagi tujuan menilai tahap keberkesanan model LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj ini.

3.5 Pengumpulan Data

Secara asasnya terdapat empat kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam kajian iaitu temu bual, soal selidik, pemerhatian dan eksperimental. Walau bagaimanapun, kaedah eksperimental jarang digunakan dalam kajian sosial kecuali dalam bidang pendidikan di mana suatu kaedah pengajaran baharu dibentuk akan dieksperimenkan dalam bilik darjah untuk mengetahui keberkesanan dan kelemahannya.

Menurut (Konting, 1998), kaedah yang berkesan bagi pengumpulan data bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan. Menurut beliau, pengkaji perlu terlebih dahulu mengenal pasti objektif dan jenis kajian yang ingin dijalankan. Kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data yang berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat, kabur dan boleh menyebabkan beban maklumat serta boleh meningkatkan perbelanjaan kajian.

Metodologi ialah strategi kajian umum yang menggambarkan cara bagaimana kajian sepatutnya dilaksanakan. Ianya termasuk sistem kepercayaan dan andaian falsafah yang membentuk memahami persoalan kajian dan menyokong pilihan kaedah kajian.

Kajian yang dilakukan penting bagi menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data serta melakukan pentafsiran terhadap kajian yang dijalankan. Bagi kajian Model LEXICOLSEM ini, dua kaedah kajian digunakan untuk mengumpulkan data yang diperlukan iaitu kajian perpustakaan seperti analisis teks dengan penggunaan dokumen-dokumen teks dalam surah al-Hajj untuk dianalisis dan kajian lapangan seperti temu bual dan soal selidik.

Perkara ini penting bagi mengenal pasti dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam dalam suatu suasana yang memerlukan kepada interaksi secara langsung dengan konteks (Norman K, D. & Yvona S, L., 1994). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks, soal selidik, dan temu bual untuk mendapatkan data primer dan data sekunder berkaitan dengan objektif kajian. Kajian ini melibatkan empat fasa yang dirangka untuk menghasilkan sebuah model LEXICOLSEM. Penulis akan menggunakan kaedah analisis teks seperti berikut:

3.5.1 Analisis Teks

Kajian ini dibuat dengan mengenalpasti fail-fail dokumen digital teks dalam surah al-Hajj dan mengesahkan teks-teks tersebut oleh pakar. Dokumen-dokumen digital ini kemudiannya dianalisis menggunakan *corpus analysis* (Sandra Kuebler, Heike Zinsmeister, 2015) iaitu dengan menggunakan *WordSmith* versi 2.1 atau versi terkini. Setiap perkataan dalam teks akan dikategorikan kepada dua kategori. Akar perkataan-perkataan itu akan dikenalpasti kemudiannya mengkategorikan perkataan tersebut kepada sub-kategori. Hasilnya akan diselaraskan dan dirujuk (triangulated) dengan tiga kamus bahasa Arab iaitu *Lisan Al-Arab* oleh *Ibn Manzuur*, *al-Mu'jam al-Wasit* oleh *Majma' Luhghah al-Arabiyyah* di Mesir, dan *al-Mu'jam al-Araby al-Asasi* oleh *al-Munazzamah al-Arabiyyah lil Tarbiyyah wa Thaqafah wal 'Ulum*. Pemilihan tiga kamus bahasa Arab ini berdasarkan kepada syor pakar-pakar dan kamus-kamus ini merupakan antara kamus yang terkemuka di dunia.

Seterusnya, berdasarkan fasa di atas kajian mencadangkan model baharu untuk mengekstrak konsep perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) berdasarkan gabungan Leksikologi Semantik Arab dan hubungan antara perkataan, yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim. Model yang dicadangkan ini kemudiannya disahkan dengan menguji konsep penglihatan dalam surah al-Hajj (الحج). Model ini kemudiannya akan dinilai oleh dua (2) orang pakar yang terdiri dari pakar al-Quran dan bahasa Arab. Fasa-fasa ini akan diterangkan dengan lebih lengkap di bawah.

1. Fasa Pertama

Kajian dokumentasi iaitu analisis teks di mana kaedah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran umum terhadap kajian yang ingin dijalankan. Kajian

LEXICOLSEM digunakan untuk menganalisis mengikut langkah-langkah seperti berikut:

1. Penyelidik akan mengenalpasti fail dokumen digital teks perkataan dalam surah al-Hajj (الحج). Pengesahan teks akan disahkan oleh pakar;
2. Dokumen digital akan dianalisis menggunakan analisis korpus (*corpus analysis*) menggunakan *WordSmith* versi terkini;
3. Setiap perkataan dalam teks akan dikategorikan kepada dua kategori iaitu kata kerja dan kata nama merujuk kepada jadual simbol dalam Jadual 3.3.1;
4. Penyelidik akan mengenalpasti asas setiap perkataan dalam dua kategori ini, kemudian mengkategorikan perkataan tersebut samada tergolong dalam asal perkataan yang sama atau sub-kategori lain; dan
5. Untuk meningkatkan keyakinan dalam kajian, hasilnya akan diselaraskan dan dirujuk (triangulated) dengan tiga kamus bahasa Arab iaitu *Lisan Al-Arab* oleh *Ibn Manzuur*, *al-Mu'jam al-Wasit* oleh *Majma' Luhghah al-Arabiyyah* di Mesir, dan *al-Mu'jam al-Asasi* oleh *al-Munazzamah al-Arabiyyah lil Tarbiyyah wa Thaqafah wal 'Ulum*.

2. Fasa Kedua

Kaedah kajian untuk pembinaan model baharu untuk mengeluarkan konsep surah al-Hajj berdasarkan hasil fasa pertama sebelumnya, penulis akan mengikut langkah-langkah berikut:

1. Buat dan cadangkan model menggunakan pelbagai hubungan antara perkataan dalam leksikologi semantik Arab seperti berikut:

- a. *synonym* - perkataan atau frasa yang bermaksud sama atau hampir sama dengan perkataan lain atau frasa dalam bahasa yang sama;
 - b. *antonym* - perkataan yang berlawanan atau bercanggah dengan perkataan lain;
 - c. *hypernym* - perkataan dengan makna yang luas yang lebih spesifik berada di bawah;
 - d. *hyponym* - perkataan makna yang lebih khusus atau spesifik daripada istilah umum;
 - e. *holonym* - konsep yang mana konsep ini menjadi bahagian; dan
 - f. *meronym* - istilah yang menunjukkan sebahagian daripada sesuatu tetapi yang digunakan untuk merujuk kepada keseluruhannya.
2. Hubungan semantik antara perkataan dengan makna konsep kemudian akan dikenalpasti.
 3. Menghubungkan yang berkaitan dengan konsep utama dalam lukisan bentuk pokok.
 4. Menghuraikan reka bentuk pokok dengan mengekstrak konsep perkataan surah al-Hajj berdasarkan pendekatan leksikologi semantik Arab.

3. Fasa Ketiga


Kaedah penglihatan dijalankan bagi memahami sesuatu situasi atau keadaan, mendapatkan data secara langsung dan terdapat bukti secara fizikal atau dapatan yang boleh diukur dengan penglihatan. Dalam fasa ini, penulis mengkaji Hubungan Leksikologi dan Semantik antara perkataan dalam surah al-Hajj. Model baharu yang

dicadangkan ini akan disahkan dengan menguji konsep penglihatan dalam surah al-Hajj.

4. Fasa Keempat

Pengesahan pakar untuk model yang telah dirangka dan diuji akan dinilai oleh dua kumpulan pakar-pakar seperti kategori berikut:

1. Ahli bahasa Arab yang akan mengkaji LEXICOLSEM (Fasa Pertama) dan proses penggabungan dengan pelbagai analisis leksikologi semantik, dan
2. Ahli al-Quran yang mengkaji secara menyeluruh konsep penglihatan dalam surah al-Hajj, menurut penilaian perspektif Islam akan dilakukan dalam temu bual kumpulan fokus. Sebarang cadangan atau maklum balas akan diambil kira untuk memperbaiki model.



Rajah 3.1: Contoh Model LEXICOLSEM oleh Asma Abdul Rahman, 2021

Bagi contoh model LEXICOLSEM di atas, rajah menunjukkan kaedah analisis teks dijalankan dengan langkah-langkah seperti berikut:

1. **Fasa Pertama** : Kenalpasti perkataan dalam al-Quran dan ekstrak 3 huruf asal perkataan (أصل الكلمة) dan perkataan dikategorikan kepada 2 bahagian berdasarkan jadual simbol.
2. **Fasa Kedua** : Buat dan cadangkan model menggunakan pelbagai hubungan antara perkataan dalam LSA yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim.
3. **Fasa Ketiga** : Mengkaji hubungan Semantik dan Leksikologi antara perkataan al-Quran dengan menggunakan kaedah penglihatan.
4. **Fasa Keempat** : Pengesahan pakar-pakar di kalangan pakar al-Quran dan pakar bahasa Arab melalui soalan temu bual dan pengesahan model.

1. Ahli bahasa Arab yang akan mengkaji Analisis Semantik dan Leksikologi dan proses penggabungan dengan analisis semantik terpendam pelbagai hubungan, Dan

2. Ahli al-Quran yang mengkaji secara holistik konsep penglihatan dalam al-Quran, menurut perspektif Islam penilaian akan dijalankan dalam temu bual kumpulan fokus. Sebarang cadangan atau maklum balas akan diambil kira untuk menambah baik model.

Dalam fasa kajian pertama, penulis akan menggunakan jadual simbol seperti di Jadual 3.2 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam surah al-Hajj.

Jadual 3.2: Jadual Simbol dan Maksud

المقصود بما 'Maksudnya'	الرموز 'Simbol'
جملة ayat	ج
طرف اسمي lihat kata nama	طس

المقصود بما	الرموز
'Maksudnya'	'Simbol'
طرف فعلي lihat kata kerja	طف
اسم kata nama	س
فعل / فاعل / مفعول به Objek / subjek / kata kerja	ف / فا / مف
ضمير nahu – ganti nama pertama, kedua dan ketiga, yang disembunyikan	ص
مضاف / مضاف إليه ditambah kepada / ditambah	ضف / ضف إليه
شبة جملة frasa	شخ
أداة النسخ Alat salin/copy	د/نسخ
أداة التعريف (ال) Alat pengecam/identifier	تعر
مبتدأ / خبر isim yang menerangkan muftada sehingga maknanya menjadi sempurna / isim marfu' di awal kalimat	م / خ

Analisis teks digunakan dalam meneliti dan meneroka sumbernya. Ini adalah metodologi yang melibatkan pemahaman bahasa, simbol, dan gambar yang terdapat dalam teks untuk mendapatkan maklumat. Tujuan analisis teks adalah untuk menerangkan isi, struktur, dan fungsi mesej yang terdapat dalam teks (Fairclough & Fairclough, 2015). Ini adalah cara mengumpulkan dan menganalisis maklumat dalam penyelidikan akademik (Mckee, 2016) dan digunakan sebagai proses untuk menganalisis data teks (Burrows, 2007).

3.5.2 Soal Selidik

Kajian pembelajaran seperti juga kajian sosial sering menggunakan populasi yang besar. Oleh itu penggunaan soal selidik sebagai alat ukur adalah lebih praktikal dan berkesan kerana dapat membantu mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi pengumpulan data (Konting, 1998). Soal selidik merupakan satu bentuk

instrumen yang banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang pendidikan untuk memperolehi fakta tentang suatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku.

Oleh itu dalam kajian ini, kaedah soal selidik ini melibatkan kesinambungan dalam kajian tahap 1 yang melibatkan hubungan perkataan dan tahap 2 iaitu hubungan semantik. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat untuk mengukur tahap kemahiran bertutur bahasa Arab dan punca kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia. Soal selidik ini mengandungi lima bahagian; iaitu

- a) (LEXICOLSEM) ALM untuk kaedah pembelajaran linguistik Arab,
- b) (LEXICOLSEM) ALM untuk kemahiran belajar linguistik Arab,
- c) (LEXICOLSEM) ASS untuk kemahiran bertutur linguistik Arab,
- d) (LEXICOLSEM) ARS untuk kemahiran membaca linguistik Arab, dan
- e) (LEXICOLSEM) AWS untuk kemahiran menulis linguistik Arab.

Terdapat satu (1) set soal selidik bagi pelajar-pelajar Sarjana muda Pengajian Bahasa Arab di tujuh (7) buah Universiti terpilih di Malaysia bagi mencapai objektif dan persoalan bagi kajian ini. Kesemua konstruk bagi setiap set dan bahagian utama item dinyatakan secara ringkas seperti berikut:

Satu (1) set soal selidik (Kuantitatif) bagi mencapai objektif kajian 1 seperti:

Objektif 1 : Mencadangkan model yang baharu bagi mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج); dan

Jadual 3.3 menunjukkan taburan bahagian-bahagian dan jumlah item dan *cronbach's Alpha* dalam borang soal selidik.

Jadual 3.3: Taburan bahagian-bahagian dan jumlah item dan cronbach's Alpha dalam borang soal selidik.

Question Set Category	Student of Bachelor of Arabic Language Studies
Subscales Question	5 Subscales (A, B, C, D, and F)
Question Set Category	Student of Bachelor of Arabic Language Studies
Subscales Question	Subscale A: Scales for Arabic Learning Methods (ALM@ LEXICOLSEM) Subscale B: Scales for Arabic Listening Skills (ALS) Subscale C: Scales for Arabic Speaking Skills (ASS) Subscale D: Scales for Arabic Reading Skills (ARS) Subscale E: Scales for Arabic Writing Skills (AWS)

3.5.3 Temu bual

Selain daripada menggunakan kaedah soal selidik di kajian yang lepas bagi menyokong dapatan-dapatan kajian ini, kaedah temu bual turut digunakan. Temu bual merupakan kaedah bila mana subjek dan penulis hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Melalui temu bual maklumat kajian diperolehi secara langsung oleh pengkaji daripada subjek sebagaimana kaedah soal selidik. Kaedah temu bual digunakan untuk memperolehi maklumat seperti fakta, kepercayaan, perasaan dan kehendak yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif kajian. Temu bual menghendaki pengkaji dan subjek berinteraksi secara langsung dan aktif.

Dalam kajian ini temu bual berstruktur telah digunakan. Temu bual berstruktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian terutamanya dalam penulisan bab empat. Temu bual telah dilakukan ke atas pakar-pakar bahasa Arab dan al-Quran untuk menyelidik hubungan semantik antara perkataan dalam surah al-Hajj, dan untuk mengesahkan model yang diusulkan dengan ahli bahasa Arab, dan ahli al-Quran. Terdapat dua (2) set protokol temu bual bagi pakar bahasa Arab, dan temu bual pakar al-Quran bagi mencapai objektif dan persoalan bagi kajian ini. Oleh itu, sesi temu bual dalam perbincangan kelompok

berfokus ini dijalankan bagi mengumpulkan maklumat dan memenuhi objektif yang berikut:

Dua (2) Set Soalan Temu bual (Kualitatif) bagi mencapai Objektif Kajian 2 dan 3:

Objektif 2: Menganalisis perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) mengikut corak

Leksikologi Semantik Arab, dan menyelidik hubungan leksikologi semantik antara perkataan dalam surah al-Hajj (الحج); dan

Objektif 3 : Mengesahkan model yang diusulkan dengan ahli bahasa Arab, dan ahli al-Quran.

Jadual 3.4: Dua (2) set protokol temu bual bagi pakar bahasa Arab, dan temu bual pakar al-Quran

Kategori Set Soalan	Pakar Linguistik Arab	Pakar Al-Qur'an
	5 Subskala (A, B, C, D dan E)	5 Subskala (A, B, C, D dan E)
	Part A: Latar belakang Akademik dan Kepakaran	Part A: Latar belakang Akademik dan Kepakaran
	Part B: Tahap Kesesuaian konsep model LEXICOLSEM yang diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab.	Part B: Sejauh mana konsep model LEXICOLSEM boleh digunakan dalam Surah Al-Hajj.
Soalan Subskala	Part C : Model LEXICOLSEM berdasarkan gabungan Semantik Arab dan enam hubungan antara perkataan yang 'sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim'.	Part C : Model LEXICOLSEM berdasarkan gabungan Semantik Arab dan enam hubungan antara perkataan yang 'sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim' dalam Surah Al-Hajj.
	Part D : Mengesahkan model yang dicadangkan dengan pakar linguistik Arab.	Part D : Mengesahkan model yang dicadangkan dengan pakar Al-Quran.
	Part E : Cadangan Penambahbaikan model dari sudut bahasa Arab.	Part E : Cadangan Penambahbaikan model dari sudut Surah Al-Hajj.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data telah dijalankan secara berperingkat supaya berjalan lancar dan telus. Pertama, adalah mendapatkan kelulusan tajuk kajian daripada Institut

Sains Islam dan penyelia kajian. Apabila kelulusan tajuk kajian telah diperolehi, tindakan seterusnya ialah membuat surat permohonan untuk menjalankan kajian kepada tujuh buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan pengajian bahasa Arab di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Setelah kebenaran diperolehi, pengkaji memohon pula kebenaran kepada tujuh buah IPT yang dinyatakan di atas untuk menjalankan kajian soal selidik terhadap 350 orang pelajar-pelajar pengajian bahasa Arab peringkat Ijazah Sarjana Muda dan pensyarah-pensyarah bahasa Arab yang telah dikenalpasti.

Dalam usaha menjalankan soal selidik yang sebenar, pengkaji juga telah memohon kebenaran daripada Dekan dan Ketua Program yang terlibat. Apabila kebenaran telah diperolehi, pengkaji telah menetapkan hari dan masa untuk menjalankan kajian. Usaha mengumpul data bagi tujuh universiti yang melibatkan hampir 400 responden menggunakan borang soal selidik secara 'google form' mengambil masa selama lebih tiga minggu. Pengkaji telah melibatkan diri secara langsung dalam memohon kebenaran bagi pengagihan borang soal selidik ini secara dalam talian dengan kebenaran Dekan fakulti pengajian bahasa Arab. Apabila semua borang soal selidik yang diisi oleh responden telah dicapai dan disemak, prosedur terakhir yang perlu dilakukan ialah memasukkan semua data yang diperolehi ke dalam komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk diproses dan dianalisis.

Kesemua prosedur bagi pengumpulan data soal selidik di atas telah dijalankan di peringkat kajian tahap 1 dan 2 bersama-sama Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Asma Abdul Rahman.

3.7 Penganalisan Data

Penganalisan data merupakan aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Ia melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan membuat jadual. Penganalisan data juga melibatkan pengiraan terhadap data mentah dan seterusnya berasaskan maklumat yang terhasil daripada penganalisan tersebut, pengkaji akan menggunakan maklumat tersebut sebagai bukti untuk membuat sesuatu keputusan (Konting, 1998).

3.7.1 *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*

Dalam kajian tahap 1 dan 2, data-data yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26.0. Perisian SPSS adalah satu daripada beberapa pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data kajian khususnya kajian sosial dan pendidikan. Ia dibina khusus untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang dengan cepat dan cekap.

3.7.2 *Corpus Analysis*

Korpus linguistik adalah kajian bahasa berdasarkan koleksi besar penggunaan bahasa "kehidupan nyata" yang disimpan di korporat (atau korpus); iaitu pangkalan data berkomputer yang dibuat untuk kajian linguistik. Ia juga dikenali sebagai kajian berasaskan korpus. Korpus linguistik dilihat oleh sebilangan ahli bahasa sebagai alat penyelidikan atau metodologi dan oleh yang lain sebagai disiplin atau teori dengan

sendirinya. Sandra Kübler dan Heike Zinsmeister menyatakan dalam buku mereka, "*Corpus Linguistics and Linguistically Annotated Corpora*," bahawa "jawapan kepada persoalan sama ada corpus linguistics adalah teori atau alat adalah bahawa ia boleh menjadi keduanya. Ia bergantung pada bagaimana corpus linguistics terpakai." Walaupun kaedah yang digunakan dalam korpus linguistik pertama kali diadopsi pada awal 1960-an, istilah itu sendiri tidak muncul hingga tahun 1980-an.

Crystal, 1992, mendefinisikan Corpus sebagai koleksi data linguistik, teks sama ada bertulis atau transkripsi ucapan direkodkan, yang boleh digunakan sebagai permulaan bagi penerangan linguistik atau sebagai satu cara untuk mengesahkan hipotesis mengenai bahasa. Corpus linguistik melibatkan penggunaan komputer untuk mencari dan menganalisis pangkalan data bahasa sebenar dengan pantas. Pangkalan data ini disebut corpora (jamak dari corpus Latin) dan mereka boleh terdiri daripada kumpulan asas bahasa lisan yang ditulis atau ditranskrip.

3.7.3 *Lisan Al-Arab*

Kitab *Lisan Al-Arab* (لسان العرب) karya Jamaluddin Muhammad ibn Mukarram ibn Ali, yang dikenali dengan Ibn Manzoor (ابن منظور) (1233-1312M/ 711 H), merupakan sebuah kamus bahasa Arab yang paling masyhur di kalangan ulama dan penuntut ilmu. Kitab ini menjadi rujukan utama bagi para pengkaji dalam menentukan maksud sesuatu lafaz atau kalimah dalam bahasa Arab.

Menurut para pengkaji leksikografi Arab, kaedah penyusunan asal Kitab *Lisan al-Arab* yang dibuat oleh Ibn Manzoor adalah berdasarkan akhiran kalimah. Namun, untuk memudahkan pencarian kalimah Arab dan memastikan ia sentiasa

dimanfaatkan, pihak penerbitan telah menukarkan bentuk susunan yang asal kepada susunan abjad yang normal.

Kitab Lisan al-Arab ini agak tebal halamannya. Ia telah diterbitkan dengan bilangan jilidnya yang berbeza-beza mengikut berbezanya syarikat penerbitannya. Kitab ini dibahagikan kepada 28 bab, sebuah ensiklopedia kamus yang besar terkandung pelbagai bahagian seperti puisi, bahasa, bacaan, bahan bukti, tatabahasa bahasa dan imej. Jumlah entri mencecah sehingga 80,000 entri.

3.7.4 *Al-Mu'jam al-Wasit*

Al-Mu'jam al-Wasit adalah salah satu kamus bahasa Arab tersohor yang dihasilkan Dewan Bahasa Arab di Kaherah. Edisi pertama telah dikeluarkan pada tahun 1960. Manakala edisi ketiga diterbitkan pada tahun 1998. Kamus ini merupakan hasil cetusan idea Muhammad 'Aliyy al-Auban yang menjawat jawatan sebagai Menteri Pelajaran Mesir pada tahun 1936. Tujuan utamanya ialah bagi menghasilkan sebuah kamus bersaiz sederhana dalam memenuhi keperluan orang ramai khususnya pelajar peringkat menengah dan universiti selain penulis dan ilmuwan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan (Mustapha, 1999).

Kamus ini mengandungi sekitar 30,000 entri asas yang juga dibantu dengan hampir 600 gambar rajah. Justeru, kamus ini adalah kamus bahasa Arab kedua selepas al-Munjid yang menggunakan gambar dan gambar rajah bagi membantu menerangkan makna entri (Muhammad Marwan & Wan Moharani : 2009:113). Ia terdiri daripada 1900 halaman dalam dua bahagian. Tertib susunan entri yang jelas, pembahagian entri dan susun aturnya serta persembahan entri dengan makna-maknanya yang tersusun

rapi merupakan antara kelebihan utama kamus ini. Teknik cetakan moden menyebabkan entri dan maknanya dibezakan dengan jelas selain memudahkan proses pencarian.

3.7.5 *Al-Mu'jam al-'Araby al-Asasi*

Kamus al-Mu'jam al-'Araby al-Asasi merupakan salah satu kamus yang diusahakan oleh pusat-pusat bahasa Arab meskipun ia tidak diterbitkan oleh pusat bahasa Arab itu sendiri. Hal ini kerana usaha-usaha yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pendidikan, Kebudayaan dan Keilmuan Arab yang bernaung di bawah Liga Arab ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pusat-pusat bahasa Arab dan universiti-universiti negara-negara Arab. Di samping itu, ilmuwan-ilmuwan yang terlibat secara terus atau sebaliknya dalam mempersembahkan kamus ini merupakan ahli atau pakar-pakar rujuk pusat bahasa Arab khususnya Pusat Bahasa Arab Mesir, Kaherah.

Terdapat 25000 entri asas yang disusun dalam al-Mu'jam al-Araby al-Asasi menggunakan kaedah *alfba'iyy* iaitu mengikut abjad. Setiap perkataan asas dipecahkan kepada bentuk binaan perkataan dan jenis-jenisnya. Penerangan perkataan dibuat secara terperinci berserta contoh yang diambil daripada ayat-ayat al-Quran, al-Hadith, kata-kata hikmah, contoh-contoh penggunaannya dan juga bahasa yang terkini. Istilah moden dari pelbagai bidang turut dimuatkan setelah diubah suai mengikut tatacara perkataan Arab serta diiktiraf oleh pusat-pusat bahasa Arab.

3.8 Kajian Rintis

Antara tujuan kajian rintis dilakukan adalah untuk memastikan kesesuaian instrumen yang dibina digunakan dalam kajian sebenar serta mengukur kaedah yang

dijalankan dalam melaksanakan ujian adalah prkatikal dan sesuai (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002). Dalam konteks kesinambungan kajian ini, instrumen yang terlibat adalah set soalan soal selidik yang dibina berdasarkan latar belakang kaedah hiperpautan hubungan terpendam (LEXICOLSEM) dalam bahasa Arab berkaitan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab, Kemahiran Bertutur Bahasa Arab, Kemahiran Membaca Bahasa Arab, dan Kemahiran Menulis Bahasa Arab di tujuh buah universiti terpilih di Malaysia. Sehubungan itu, dalam proses ini antara perkara asas yang perlu dilakukan adalah menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang hendak digunakan.

3.8.1 Kesahan

Istilah kesahan berasal daripada perkataan Latin 'validus' bermaksud 'kuat' (Chamber's English Dictionary, 1990). Manakala dalam kamus The New Collins (1997), kesahan bermaksud mengesahkan sesuatu secara rasmi. Dalam konteks penyelidikan pula, kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur (Kerlinger, 1986). Secara amnya, kajian yang mempunyai kesahan yang tinggi bererti dapatan yang diperolehi adalah berdasarkan fakta atau bukti dan mampu memberi justifikasi yang tepat.

Fraenkel dan Norman (2005) berpendapat bahawa kesahan adalah sebagai ketepatan, kebenaran, bermakna dan kebolehgunaan instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan. Tujuan kajian membuat kesahan instrumen adalah bagi menjamin kesahan item-item kajian agar bersifat: (a) dapat dipertahankan yang mana hasil kajiannya tepat dan berguna, (b) ketepatan yang mana menjawab persoalan kajian, (c) kesesuaian yang relevan dengan tujuan kajian, (d) bererti yang memberi makna terhadap data melalui skor dan (e) kebolehgunaan yang mampu membuat

keputusan berhubung dengan apa yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pembolehubah yang hendak diukur untuk menginferenkan data kajian (Fraenkel dan Norman, 2005).

Muktar (2009) menyatakan bahawa sebelum soalan ditadbirkan adalah baik jika mendapatkan pandangan pakar untuk kerja-kerja penyuntingan. Untuk memastikan kesahan intrumen ini, semua komponen soal selidik bagi setiap item telah dibincangkan dan disemak dengan penyelia projek untuk menentukan item-item yang dimasukkan dalam soal selidik ini bersesuaian dengan soalan kajian, di mana setiap pernyataan tersebut mengukur apa sebenarnya yang hendak diukur.

Dalam kajian ini, penulis telah berbincang bersama penyelia dan telah dipersetujui sebelum kajian sebenar dilaksanakan bagi memperoleh kesahan untuk soal selidik, soalan-soalan soal selidik dan temu bual serta kandungan.

3.8.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor setiap item. Ketekalan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama (Howard, 1988). William (2000) menjelaskan;

'Reliability means consistency, an observed score can be seen as consisting of two part, one part in individual's "true" score and the other part an 'error'.

Oleh yang demikian, bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dalam kajian ini, soal selidik telah dibangunkan berdasarkan asas teori Pembelajaran Koperatif atau

Hiperpautan Hubungan Terpendam (LEXICOLSEM) dalam bahasa Arab. Skala Pembelajaran Bahasa Arab Universiti Kebangsaan Malaysia digunakan buat pertama kali dalam kajian ini. Bagi menilai dan meneliti kebolehpercayaan Skala Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia, pengkaji menggunakan kaedah Alpha Cronbach.

Hasil kajian telah menunjukkan Skala Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik di mana nilai Alpha Cronbach adalah tinggi, .99. Manakala nilai kebolehpercayaan bagi lima subskala Skala Pembelajaran dalam kajian ini adalah seperti jadual 3.5 di bawah:


Jadual 3.5: Nilai kebolehpercayaan bagi lima subskala Skala Pembelajaran

Subscale	Number of Item	Cronbach's Alpha
Scales for Arabic Learning Methods (ALM@ LEXICOLSEM)	86	.88
Scales for Arabic Listening Skills (LEXICOLSEM ALS)	31	.88
Scales for Arabic Speaking Skills (LEXICOLSEM ASS)	20	.88
Scales for Arabic Reading Skills (LEXICOLSEM ARS)	85	.88
Scales for Arabic Writing Skills (LEXICOLSEM AWS)	97	.88

Jadual 3.5 di atas menunjukkan hasil nilai kebolehpercayaan bagi lima subskala Skala Pengajaran dan Pembelajaran bagi kajian ALM@LEXICOLSEM ini telah menunjukkan nilai Alpha Cronbach adalah tinggi, .88. Ini berdasarkan kepada Chua, 2020 yang menyatakan bahawa jika nilai pekali alpha cronbach lebih dari nilai 0.7 ($\alpha > 0.7$: Diterima), maka ianya nilai yang diterima. Adapun jika nilai pekali alpha cronbach kurang dari 0.7 ($\alpha < 0.7$: Baiki atau buang item), maka ianya perlu diperbaiki atau buang item yang berkaitan. Oleh itu, nilai pekali alpha cronbach bagi kelima-lima subskala di atas adalah diterima.

3.9 Jangkaan Dapatan Kajian

Kajian ini dijangka dapat menghasilkan model baharu “LEXICOLSEM” dari ayat 1 hingga ayat 39, Surah al-Hajj berdasarkan gabungan Leksikologi Semantik Arab dan hubungan semantik antara perkataan dalam satu kaedah pembelajaran linguistik Arab bagi mengekstrak konsep surah al-Hajj dengan tepat. Penulis berharap model baharu ini akan keluar dengan analisis yang tepat untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj melalui kaedah Leksikologi Semantik Arab.



Rajah 3.2: Contoh Analisis LEXICOLSEM Ayat 1, Surah Al-Hajj, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Dalam rajah di atas, sebagai contoh ayat 1 dalam surah al-Hajj; model LEXICOLSEM boleh dianalisis dengan mengikuti langkah-langkah seperti berikut:

1. Pertamanya, setiap perkataan dalam surah al-Hajj ini dicerakinkan kepada kategori isim dan dhomir. Seterusnya, kenalpasti perkataan dalam ayat ini dan mengekstrak 3 huruf asal perkataan (أصل الكلمة) dan perkataan tersebut dikategorikan kepada bahagian-bahagian berdasarkan jadual 1.1 iaitu jadual simbol teori LEXICOLSEM di bawah.

2. Keduanya, bina model LEXICOLSEM menggunakan pelbagai hubungan antara perkataan yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim.
3. Di peringkat ketiga, menyelidik hubungan Leksikologi Semantik dan hubungan antara perkataan dalam ayat 1 dengan menggunakan kaedah penglihatan.
4. Di peringkat akhir, model ini perlu mendapat pengesahan dari pakar-pakar di kalangan pakar al-Quran dan pakar bahasa Arab melalui soaln temu bual.

Rujukan : Senarai Simbol

المقصود بما	الرموز
'Maksudnya'	'Simbol'
جملة ayat	ج
طرف اسمي lihat kata nama	طس
طرف فعلي lihat kata kerja	طف
اسم kata nama	س
فعل / فاعل / مفعول به Objek / subjek / kata kerja	ف / فا / مف
ضمير nahu – ganti nama pertama, kedua dan ketiga, yang disembunyikan	ض
مضاف / مضاف إليه ditambah kepada / ditambah	ضف / ضف إليه
شبه جملة frasa	شج
أداة النسخ Alat salin/copy	د/نسخ
أداة التعريف (ال) Alat pengecam/identifier	تع
مبتدأ / خبر isim yang menerangkan muftada sehingga maknanya menjadi sempurna / isim marfu' di awal kalimat	م / خ

Mengambil contoh perkataan اَتَّقُوا sebagai kata kerja perintah dan و + ا ialah kata

ganti nama (ضمير) yang bersambung di tempat فا (subjek) dan simbol Θ bermaksud

tiada kedudukan. Perkataan اتَّقُوا dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan iaitu + ت + ا + ق = اتق yang disebut sebagai مشتقات الكلمات. Seterusnya, perkataan اتَّقُوا merupakan طرف فعلي iaitu kata kerja dan تا (subjek) yang memberi makna sebagai ‘bertaqwa’.

3.10 Kesimpulan

Pada asasnya kajian ini bertujuan menganalisis, mengkategorikan perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) mengikut corak Leksikologi Semantik Arab dan menyelidik hubungan leksikologi semantik antara perkataan dalam surah al-Hajj (الحج). Kajian ini juga melihat permasalahan dan jurang dalam mengekstrak konsep perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) di kalangan masyarakat kerana pendekatan yang tidak sesuai yang telah digunakan mengabaikan kepentingan Semantik bahasa Arab dalam memperoleh makna perkataan dalam surah al-Hajj (الحج).

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan model yang baharu bagi mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) dengan menggunakan LEXICOLSEM dengan gabungan Leksikologi Semantik Arab dan hubungan semantik antara perkataan, yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim. Ini adalah sangat penting dalam meningkatkan pemahaman dalam surah al-Hajj (الحج) secara keseluruhan di kalangan masyarakat di Malaysia khususnya dan dunia Muslim amnya untuk masyarakat yang lestari.

Selain itu, pembinaan model LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj (الحج) ini akan memberi manfaat yang besar kepada semua lapisan masyarakat dan industri pendidikan di Malaysia melalui pasaran produk seperti buku, buku rujukan, buku

formula dan cakera padat (CD) kepada agensi kerajaan seperti Universiti, Sekolah, Kolej dan Jabatan Agama.

